

## Cina lebih patuh amalan kesihatan baik, kurang kena COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki - April 25, 2022 @ 6:45pm  
fidahruzki@bh.com.my



Sebahagian warga kota menggunakan kesempatan cuti hujung minggu untuk membeli persiapan awal keperluan sambutan Aidilfitri dilihat kekal menjaga SOP dengan memakai pelitup muka. - fotoBERNAMA

PUTRAJAYA: Tahap kecelikan kesihatan dan tahap kepatuhan tinggi kepada prosedur operasi standard (SOP) didapati sebagai antara punca masyarakat Cina paling kurang terjejas kepada COVID-19 berbanding India dan Melayu.

Ketua Unit Pusat Penyelidikan Tinjauan Institut Kesihatan Umum, Institut Kesihatan Negara, Dr G Shubash Shander, berkata kajian pada 2019 mendapati prevalen penyakit tidak berjangkit dan obesiti dalam kalangan masyarakat Cina juga jauh lebih rendah.

"Sepanjang situasi COVID-19 menunjukkan amalan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan mencuci tangan adalah sangat tinggi pada awal pandemik dalam kalangan semua etnik di Malaysia.

"Namun, menjelang awal 2021 masyarakat Cina lebih berterusan mengamalkannya serta melaporkan persepsi risiko yang lebih tinggi," katanya pada Sesi Libat Urus Lebihan Kematian Semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia yang dijalankan secara dalam talian, hari ini.

Kajian yang dijalankan menunjukkan walaupun pada pertengahan 2020 semua tiga masyarakat utama di negara ini menunjukkan kepatuhan terhadap amalan 3W lebih tinggi iaitu 96 peratus bagi masyarakat Melayu, Cina (95.6 peratus) dan India (94.4 peratus), ia menunjukkan penurunan pada awal 2021.

Masyarakat Melayu dan India masing-masing menunjukkan kepatuhan terhadap amalan 3W pada tahap 74.7 peratus berbanding 84.8 peratus dalam kalangan masyarakat Cina.

"Pada masa hadapan, adalah penting untuk kita mengambil tahu bahawa prevalen dalam penyakit tidak berjangkit adalah penting, bukan saja dalam mengurangkan kematian disebabkan penyakit tidak berjangkit tetapi adalah penting untuk mengawal penyakit berjangkit dan situasi pandemik COVID-19 serta pandemik lain pada masa depan.

"Kita harus meningkatkan semua program dan pengetahuan rakyat terhadap penyakit tidak berjangkit manakala penekanan perlu dilakukan terhadap kaedah pencegahan COVID-19 terutama ia harus diamalkan oleh kumpulan berisiko tinggi yang menghidap penyakit tidak berjangkit.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pada awal penularan COVID-19, Kementerian Kesihatan (KKM) menggunakan kaedah kesihatan awam untuk menangani wabak berkenaan manakala kepatuhan terhadap SOP membolehkan kawalan dilaksanakan.

Beliau berkata, tindakan itu bukan saja mengurangkan jangkitan dalam masyarakat malah memberi impak kepada penyakit berjangkit lain.

Penyakit tidak berjangkit negara amat tinggi dan COVID-19 memberi impak tinggi terhadap kumpulan rentan termasuk kematian.

"KKM berpendapat, kaedah kesihatan awam perlu digunakan untuk mengawal penyakit berjangkit manakala amalan gaya hidup sihat untuk mengurangkan penyakit tidak berjangkit untuk mengelakkan kematian apabila dijangkiti," katanya.